

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG ISMAIL
[ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah hasil yang telah diraih oleh Kerajaan melalui pengeluaran kompaun dan denda yang dikenakan kepada mereka yang mengingkari SOP COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 7 November 2020, jumlah tawaran kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah sebanyak 1,901. Manakala, jumlah keseluruhan tawaran kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan melalui agensi penguatkuasaan yang lain adalah sebanyak 44,958.

2. Daripada jumlah keseluruhan tawaran kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan termasuk KKM, sebanyak 23,493 tawaran kompaun telah dibayar oleh pihak Orang Kena Kompaun (OKK) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM20.74juta.

Sekian, terima kasih.